

20/02/1999

Laluan Kedua belum capai matlamat

Ahmad Fauzi Mustafa

LEBIH setahun jambatan Laluan Kedua Malaysia-Singapura bernilai RM363 juta dibuka sejak 2 Januari tahun lalu, menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura, keberkesanan penggunaannya masih tidak jelas.

Hanya 7.38 juta pelawat yang keluar masuk melalui pemeriksaan imigresen di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) serta 4.17 juta kenderaan pelbagai jenis yang menggunakan Laluan Kedua berkenaan, sepanjang tahun lalu.

Berdasarkan prasarana serba moden di KSAB, bilangan yang dicatatkan terhadap penggunaan jalan darat terbaru yang menyambungkan kedua-dua negara berjiran itu tidak mencapai tahap yang dikehendaki berbanding di Tambak Johor.

Boleh dikatakan KSAB dapat menampung kira-kira 200,000 kenderaan dan pengguna setiap hari berbanding 80,000 di Tambak Johor.

Jangkaan awal pelbagai pihak yang mahu melihat Laluan Kedua boleh mengalih masalah kesesakan sebanyak 40 peratus dari Tambak Johor belum mencapai matlamatnya.

Pada peringkat awal didapati begitu banyak pihak mahu mencuba Laluan Kedua itu tetapi akhirnya jumlah itu berkurangan sedikit demi sedikit disebabkan beberapa faktor terutama soal tol dan jarak perjalanan yang jauh.

Daripada jumlah pelawat keluar masuk di KSAB, Ketua Imigresen Laluan Kedua, Lateh Ali, berkata seramai 4.06 juta orang yang masuk melalui jambatan baru itu, manakala 3.32 juta orang pula keluar.

"Bagi warga Singapura saja, pelawat negara jiran yang masuk dicatatkan seramai 2.40 juta orang dan pelawat yang keluar dicatatkan seramai 1.87 juta orang sepanjang tahun lalu," katanya.

Jabatan Imigresen Johor merekodkan 477,558 pelawat masuk menerusi KSAB pada Januari tahun lalu tetapi bilangan itu menunjukkan kadar turun naik pada bulan berikutnya iaitu 366,473 orang, diikuti Mac (379,356), April (300,480), Mei (349,729), Jun (257,518), Julai (390,880), Ogos (496,088), September (190,074), Oktober (221,212), November (179,894) dan Disember (458,948).

Bagi pelawat yang keluar menerusi KSAB, imigresen merekodkan seramai 277,869 orang keluar menerusi KSAB pada Januari, diikuti Februari (295,868), Mac (326,964), April (223,209), Mei (315,743), Jun (249,940), Julai (366,395), Ogos (366,436), September (159,092), Oktober (199,719), November (149,301) dan Disember (392,535).

Jumlah kenderaan pada peringkat awal dicatatkan sebanyak 15,285 buah pada Januari, diikuti Februari (14,326), Mac (13,781) serta April (9,986). Secara puratanya, 11,426 kenderaan dicatatkan melalui KSAB pada hari biasa (Isnin - Khamis) setiap hari tetapi jumlah itu meningkat dua kali ganda antara 20,000 hingga 35,000 kenderaan apabila hari minggu dan cuti umum.

Selepas pelaksanaan tol di Laluan Kedua pada 17 Mac 1998 perubahan begitu drastik pada jumlah kenderaan dan orang ramai yang jauh berkurangan untuk menggunakan jalan alternatif terbaru menghubungkan Malaysia-Singapura itu.

Di bahagian Malaysia, motosikal dikenakan bayaran RM1, kenderaan persendirian (RM4.80), van dan lori kecil (RM11.40), lori besar dan treler (RM25.50), teksi (RM4.10) dan bas (RM6.20). Di Singapura, pengguna turut dikenakan tol.

Sebanyak RM7.8 juta bagi bayaran tol dikutip di Laluan Kedua antara 17 Mac dan 30 Jun tahun lalu, berbanding jangkaan kutipan RM11.31 juta bagi

tempoh itu.

Apakah kekurangan pada KSAB sehingga pengguna jalan raya di pintu masuk utama selatan negara masih memilih Tambak Johor?

Sebahagian besar penduduk Johor yang menerima siaran televisyen negara jiran, Television Corporation Singapore (TCS) yang sering menyiarkan keadaan lalu lintas di beberapa lebuh raya dan jalan utama termasuk sebahagian Laluan Kedua di sebelah negaranya melihat betapa lengangnya keadaan lalu lintas di laluan berkenaan di kaca televisyen masing-masing.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu mahu mengkaji beberapa cadangan untuk meningkatkan penggunaan Laluan Kedua Malaysia-Singapura termasuk mempopularkan laluan berkenaan.

Samy turut menyuarakan bahawa beliau hanya mengambil masa 15 minit dari Senai ke Singapura menerusi Laluan Kedua.

"Saya mendapati lebih mudah menggunakan laluan itu, daripada terperangkap beberapa jam di Tambak Johor," katanya ketika lawatan ke Johor, baru-baru ini.

Berdasarkan faktor itu, kebimbangan mengenai Laluan Kedua itu tidak harus membelenggu pihak bertanggungjawab kerana akan tiba satu masa pengguna kenderaan akhirnya akan menggunakan laluan itu.

Projek Laluan Kedua sepanjang 44 kilometer itu membabitkan tiga komponen utama iaitu jambatan sepanjang 2 kilometer dari Tanjung Kupang di Johor ke Tuas di Singapura berharga RM363 juta, Lebuh Raya Laluan Kedua Malaysia-Singapura sejauh 35.5 kilometer dan Lebuh Raya Perling 8.5 kilometer (RM786 juta) serta Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin KSAB (RM459 juta).

Di Singapura pula, difahamkan keseluruhan kos pembinaan perkhidmatan di republik itu mencapai S\$600 juta (RM1.34 bilion).

Walaupun begitu, usaha mengalih kesesakan lalu lintas yang selama ini dialami di Woodlands dan Johor Bahru, laluan pertama yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura menerusi Tambak Johor yang dibuka secara rasmi pada Jun 1924, perlu diperhebatkan.

Jangan sampai kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan Laluan Kedua itu menjadi katalis pembangunan kedua-dua negara, sekali gus melambangkan kejayaan kerjasama Asean, hanyalah impian semata-mata.

Rakyat perlu memahami kesanggupan Dr Mahathir bersama rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong yang merasmikan jambatan Laluan Kedua di tengah-tengah sempadan perairan Johor-Singapura pada 18 April tahun lalu.

Malah, Perdana Menteri dipetik sebagai berkata: Laluan ini melambangkan kejayaan Asean menerusi kerjasama dua negara anggotanya ke arah hubungan serantau.

"Kerja menyiapkannya selama tiga tahun adalah monumen kepada kemahiran, kesabaran dan kerjasama semua pihak yang terbabit menjayakan, malah kejayaan itu didorongi kesedaran kedua-dua negara mengenai kekuatan masing-masing dan menggunakannya secara bersama bagi kepentingan rakyat," katanya.

Berdasarkan faktor itu, rakyat hendaklah melihat secara positif terhadap kewujudan Laluan Kedua yang bukan saja menyediakan perkhidmatan laluan terus ke Lebuh Raya Utara-Selatan, Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai dan Laluan Persekutuan Satu tetapi secara kolektifnya memakmurkan dua negara yang sudah lama berjiran itu bagi tempoh jangka panjang.

(END)